



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PEMBUKAAN RELIEF FUND UNTUK TUJUAN SUMBANGAN**

Tarikh: 21 Mac 2020

Berikut dengan beberapa cadangan yang diterima daripada beberapa buah syarikat dan orang awam yang berkeinginan untuk membuat sumbangan secara sukarela bagi membantu pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan membeli peralatan dan barang keperluan dalam membendung penularan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun mengurniakan titah perkenan bagi Kerajaan untuk membuka satu akaun yang digelar COVID- 19 Relief Fund bagi membolehkan orang ramai untuk membuat sumbangan dalam membantu menangani penularan COVID-19.

2. Pada masa ini, beberapa sumbangan secara in-kind telahpun diterima daripada syarikat-syarikat di Negara ini yang sudah setentunya dapat membantu pihak Kerajaan secara amnya dan Kementerian Kesihatan khasnya untuk menyalurkan barang tersebut kepada pusat- pusat kuarantin di Negara ini untuk keperluan sehari-hari dan frontliners yang bertugas di pusat-pusat berkenaan.
3. Syarikat-syarikat dan orang ramai bolehlah membuat sumbangan melalui pemindahan terus secara online ke dalam akaun dengan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) seperti berikut bermula pada hari ini, Sabtu, 21hb Mac 2020.

**Nama Akaun: COVID-19 Relief Fund;**

**Jenis Akaun: Current Account;**

**Nombor Akaun: 1010070123**



4. Bagi memastikan sumbangan tersebut digunakan selaras dengan penubuhannya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan akan mengawal dan mengeluarkan dana tersebut setelah mendapat kebenaran dari saya selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan YB Menteri Kesihatan.

Sekian terima kasih.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam